

Keperluan Bahan Sastera dalam Sukatan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing

BITARA

Volume 8, Issue 4, 2025: 13-25
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 11 July 2025
Accepted: 11 August 2025
Published: 20 September 2025

[The Need For Literary Materials In The Arabic Language Curriculum For Teaching Arabic As A Foreign Language]

Rosni Samah¹, Aishah Isahak^{1*} & Najwa Rosni²

1 Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

E-mail: rosni@usim.edu.my; aishah_isahak@usim.edu.my

2 SMK Kompleks KLIA, Jalan Sekolah KLIA, Taman Memancing Istana Bunian, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

E-mail: najwarosni98@gmail.com

*Corresponding Author: aishah_isahak@usim.edu.my

Abstrak

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia lebih menumpukan sudut komunikasi yang berfokus kepada situasi. Sukatan dan buku teksnya dirombak bagi memenuhi keperluan tersebut. Terdapat kajian lepas yang membincangkan tentang kelemahan pelajar menguasai bahasa Arab walaupun mereka sudah belajar beberapa lama. Kajian ini bertujuan untuk melihat pandangan guru-guru sastera Arab terhadap kepentingan bahan sastera dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Kajian ini memfokuskan bahan sastera yang menjadi tarikan minat dalam pembelajaran bahasa, membekalkan templat bahasa, kosa kata baharu, templat kaedah linguistik, dan membekalkan budaya dan dialek Arab. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif analisis kandungan dan temu bual berstruktur sebagai instrumen. Bagi mendapatkan data, disediakan soalan mengikut bidang terlebih dahulu. Seramai lima orang tenaga pengajar bagi kursus sastera dipilih sebagai peserta kajian. Tiga peserta terdiri daripada pensyarah universiti yang memiliki PhD dan dua orang peserta daripada guru sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahan sastera dapat memenuhi keperluan yang digariskan dalam objektif kajian. Ia perlu digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Sukatan dan buku teks pembelajaran bahasa Arab hari ini perlu dilihat semula oleh badan-badan yang berkepentingan.

Kata kunci: bahan sastera, bahasa Arab, pembelajaran, sastera Arab, bahasa asing

Abstract

Arabic language learning in Malaysia has predominantly focused on communicative aspects, emphasizing situational contexts. Accordingly, the curriculum and textbooks have been revised to meet these needs. Previous studies have highlighted students' persistent weaknesses in mastering Arabic despite having studied it for an extended period. This study aims to examine the perspectives of Arabic literature teachers regarding the role of literary materials in teaching Arabic as a foreign language. Specifically, it explores how such materials enhance learners' interest in the language, provide linguistic templates, introduce new vocabulary, offer methodological linguistic patterns, and present Arab culture and dialects. Adopting a qualitative research design, this study employed content analysis and structured interviews as its primary instruments, with questions prepared in advance according to thematic domains. Five literature instructors participated in the study, comprising three university lecturers holding doctoral degrees and two school teachers. The findings reveal that literary materials effectively address the needs outlined in the study objectives and should be incorporated

into the teaching of Arabic as a foreign language. The study recommends that relevant stakeholders re-evaluate the current syllabus and textbooks used in Arabic language education in Malaysia.

Keywords: literary materials, Arabic language, learning, Arabic literature, foreign language



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Rosni Samah, Aishah Isahak & Najwa Rosni. (2025). Keperluan Bahan Sastera dalam Sukatan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing [The Need For Literary Materials In The Arabic Language Curriculum For Teaching Arabic As A Foreign Language]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 13-25.

Pengenalan

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia pada hari ini lebih berfokus kepada bahasa komunikasi. Sukatan pembelajarannya dirombak khusus bagi mencapai objektif tersebut. Begitu juga buku teks atau buku rujukan ditulis bagi memenuhi keperluan komunikasi. Tajuk-tajuk yang terdapat dalam buku teks lebih fokus kepada situasi untuk diungkapkan. Di samping itu juga pembelajaran lebih berfokus kepada pembinaan ayat yang menumpukan sudut Nahwu dan Sharf. Justeru itu, penekanan kepada bahan sastera terlalu sedikit hanya dalam kurikulum DINI yang berteraskan kepada kurikulum Buuth al-Azhari dan juga program ijazah yang berfokuskan kepada bahasa Arab tulen. Bahan sastera yang digunakan lebih kepada sejarah sastera yang bermula daripada zaman Jahiliah sehinggalah ke zaman moden. Perbincangannya lebih kepada perbincangan perkembangan sastera Arab mengikut zaman. Terdapat juga perbincangan yang melibatkan prosa dan puisi mengikut zaman perkembangannya.

Dalam sukatan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing, bahan sastera Arab yang terdiri daripada prosa dan puisi tidak digunakan. Bahan-bahan pengajaran terdiri daripada bahan-bahan komunikasi tentang situasi. Pelajar mampu lulus dengan baik dalam peperiksaan. Namun begitu kemahiran bahasa mereka masih berada pada tahap lemah seperti dilaporkan oleh beberapa kajian lepas. Sejak tahun 90-an lagi kajian lepas melaporkan tentang kelemahan pelajar menguasai bahasa Arab seperti dinyatakan dalam kajian Rosni et al. (2023). Kelemahan yang ketara dapat dilihat dalam penguasaan kosa kata seperti kajian yang dijalankan oleh Asmuni et al. (2020) yang menjelaskan bahawa pelajar-pelajar lepasan sekolah agama yang menjadi sampel kajiannya lemah dalam penguasaan kosa kata dalam bidang ekonomi dan politik. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Izzah dan Rosni (2020) yang menunjukkan pelajar tingkatan enam lemah dalam menguasai kosa kata dalam subjek-subjek yang mereka pelajari. Dapatan kajian Rosni et al. (2023) menunjukkan pelajar-pelajar universiti lepasan sekolah agama lemah dalam penguasaan kosa kata.

Dalam penggunaan bahan sastera dalam sukatan bahasa Arab sebagai bahasa asing, kajian Rosni et al. (2023a) menjelaskan bahawa sampel kajiannya menunjukkan reaksi positif terhadap penggunaan bahan sastera. Mereka menyokong bahawa bahan sastera dapat menarik minat pelajar membaca prosa dan puisi. Bahan sastera juga menarik kerana ia berhubung

dengan emosi dan berhubung dengan diskriptis. Dalam penguasaan bahasa pula, mereka menyokong bahawa bahan sastera dapat menarik minat untuk menguasai kosa kata, menguasai frasa dan mengekalkan momentum membaca. Justeru itu objektif kajian ini adalah untuk melihat perspektif guru-guru sastera terhadap keperluan penggunaan bahan sastera dalam sukatan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur.

Sorotan Kajian

Menurut Richards dan Rodgers (1986) pengubahsuaian kaedah pengajaran bahasa asing sepanjang zaman mengambil kira perubahan keperluan pelajar, matlamat keperluan bahasa, dan perkembangan teori. Terdapat pelbagai pendekatan dan kaedah dalam pengajaran bahasa asing yang mencerminkan hasrat untuk mendapatkan pendekatan pengajaran bahasa asing yang lebih baik.

Pada awal tahun 1980-an, pembelajaran bahasa Inggeris telah menyaksikan minat yang disemarakkan dalam peranan kesusasteraan sebagai bahan utama. Sebilangan besar teks pengajaran bahasa terutamanya yang menggunakan pendekatan komunikatif, telah memasukkan kesusasteraan dalam kandungan untuk pembelajaran bahasa. (Jackson dan Di Pietro 1992, Smalzer dan Lim 1994). Bahan sastera menawarkan kelebihan kontekstual, leksikal, linguistik, budaya dan pengkaedahan dalam pengajaran bahasa asing. Semua manfaat ini membentuk pendekatan dan membawa kepada proses pembelajaran komunikatif dan menyuntik motivasi.

Kelebihan yang dibincangkan di sini adalah hakikat bahawa bahan sastera menawarkan konteks yang dapat menyuntik motivasi pembelajaran yang bermakna. Pandangan Ausubel (1983) dan Novak (1988) membincangkan tentang pembelajaran yang bermakna, pembelajaran yang nyata, penting dan menarik kepada pelajar. Mereka melihat proses memperolehi pengetahuan sebagai pengalaman yang terkumpul. Mereka menyatakan bahawa maklumat yang akan dipelajari mesti berkaitan dengan maklumat yang pelajar sudah mengetahuinya. Dengan erti kata lain, ia mesti dikaitkan dengan mana-mana aspek yang relevan yang telah wujud dalam struktur kognitif pelajar.

Dalam pembelajaran yang bermakna, proses memperoleh maklumat baharu dapat menghasilkan perubahan bukan sahaja dalam maklumat yang sedia ada sahaja tetapi dalam maklumat baharu juga kerana ia mengandaikan interaksi antara maklumat sedia ada dan maklumat baharu (anteses) serta hasil yang dapat daripada pembelajaran tersebut (sintesis). Pembelajaran seperti ini berbeza dengan pembelajaran sehala atau pengulangan atau hafalan yang tidak masuk akal.

Bahan pembelajaran yang bermakna hendaklah bahan yang berpotensi berkaitan dengan kandungan kognitif pelajar yang boleh dimasukkan ke dalam struktur kognitif yang sedia ada. Namun begitu, seperti definisi pembelajaran yang bermakna, ia bukan sahaja berkaitan dengan pengalaman pelajar tetapi juga maklumat yang menarik perhatian mereka yang akan dipelajari dengan mudah dan pendekatan yang dapat merangsang motivasi.

Pembelajaran yang bermakna akan dapat menghasilkan motivasi, komunikatif dan kelas tindak balas individu. Secara khusus Sorani dan Tamponi (1992) mengesyorkan bahawa

pengajaran bahasa asing perlu terdiri daripada kandungan yang bermakna, terutama yang menarik perhatian pelajar mengikut pengalaman, pengetahuan kehidupan dan minat mereka. Mereka juga berpendapat bahawa proses pengajaran bahasa asing tidak boleh menjadi aktiviti yang terpencil. Sebaliknya pembelajaran bahasa hendaklah menjadi aktiviti yang berkaitan dengan maklumat yang pelajar perlu belajar atau telah belajar dalam mata pelajaran lain atau dalam pengalaman kehidupan untuk menjadikan mereka membesar sebagai manusia yang luar biasa.

Apabila terdapat pemilihan kandungan bahan yang baik, bahan sastera merupakan sumber yang kaya dengan konteks yang bermakna serta dapat dikaitkan dengan aspek motivasi. Ini bagi membolehkan pelajar membaca bahan yang menarik yang dapat membuatkan mereka berfikir tentang pengalaman mereka sendiri dan memberikan respons peribadi (Duff dan Maley 1990). Penggunaan bahan sastera dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing adalah disyorkan, kerana ia menghasilkan pelajaran yang bertujuan dan menyediakan asas untuk bekerja dalam kumpulan kecil yang bermotivasi tinggi (Enright dan McCloskey, 1985). Kepentingan bahan sastera telah ditekankan kerana teks sastera dilihat sebagai bahan yang berpotensi yang dapat menjadikan asas untuk interaktif, bermakna dan berasaskan kandungan. Di samping itu, mengikut pandangan Povey (1979), Widdowson (1983), dan Spack (1985) bahawa bahan sastera berfungsi sebagai rangsangan untuk menulis karangan. Selalunya dalam pengajaran bahasa asing, topik-topik ringkas digunakan dan dibenarkan. Apabila terdapat keperluan beberapa perubahan, kesusasteraan dapat memenuhi tujuan itu. Widdowson (1983) menetapkan kepentingan konteks yang menarik perlu ditekankan ketika menerangkan situasi yang berlaku di dalam bilik darjah apabila situasi remeh atau tugas biasa dibentangkan.

Teks sastera menawarkan peluang kepada guru dan pelajar untuk mengelak daripada rutin harian yang merupakan proses pembelajaran yang membosankan. Hill (1989) juga mendakwa bahawa sastera menawarkan konteks yang tulen untuk komunikasi kerana cerita atau puisi lebih mudah diingat daripada koleksi bahan kandungan yang tidak berkaitan. Beliau menjelaskan bahawa terdapat dua cara untuk menganalisis mesej. 1) Mereka mempunyai maklumat yang berkaitan dengan koleksi bunyi dan simbol tertentu yang disimpan dalam ingatan, dan 2) mempunyai pengetahuan mereka sendiri tentang kehidupan dan konteks mesej dari mana untuk bekerja.

Apabila pengajaran bahasa terdiri daripada penggunaan ayat terpencil untuk menggambarkan perkara-perkara tertentu, sudah tentu proses ini menghalang pelajar daripada membuat sebarang analisis berdasarkan konteks. Dengan cara ini, mereka tidak dapat mengambil bahagian dalam penerangan makna konteks. Bukan sahaja pelajar bahasa asing tetapi penutur jati juga mengalami kesukaran mengingat perkataan dan struktur yang tidak berkaitan. Jika mereka tidak mempunyai konteks yang bermakna, dari mana mereka bekerja dan bagaimana mereka boleh mengaitkan maklumat yang mereka pelajari. Komunikasi dan kemahiran mereka akan berkurangan. Oleh itu, teks sastera menyediakan maklumat yang relevan, dan rangsangan yang diperlukan bagi menggalakkan pelajar bercakap dan berkongsi idea. Dalam bidang puisi, pembelajaran agak sukar berbanding dengan prosa kerana terdapat banyak unsur retorik. Secara umumnya, puisi membincangkan isu-isu yang penting tentang kehidupan dan manusia. Oleh itu pelajar mempunyai topik yang menarik untuk dibincangkan, dan mereka akan terlibat bukan sahaja dari segi intelek tetapi emosinya juga. Gaya bahasanya yang ringkas dan pendek dapat membantu pelajar mengingat dan menggunakannya.

Sastera adalah bahan tulen dari sudut susun atur bahasa, gaya persembahan dan emosinya. Ia adalah bahasa tulen yang dicipta oleh penutur jati yang mempunyai keupayaan bahasa dan imaginasi yang luar biasa. Sastera boleh menjadi pelengkap kepada bahan-bahan bahasa yang lain, seperti iklan, surat khabar, majalah, jadual perjalanan, komik, dan sebagainya.

Selain templat bahasa, sastera juga turut menawarkan pengenalan tentang budaya. Dalam kajian bahasa asing, pengetahuan tentang budaya bahasa sasaran adalah penting. Pelajar perlu mengetahui budaya bagi mengetahui makna sebenar bahasa yang digunakan. Melalui kefahaman budaya, pelajar lebih mudah memahami bahasa yang dipelajari. Oleh itu sastera boleh menjadi bahan pelengkap kepada bahan lain untuk mengetahui budaya asing seperti filem, radio atau program televisyen, majalah, akhbar, dan muzik. Sastera juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pemahaman tentang nilai-nilai budaya orang berbahasa Arab, dan membuat mereka melihat persamaan antara budaya bahasa yang mereka pelajari dan budaya mereka sendiri. Pengetahuan tentang budaya ini dapat membantu mereka memahami bahasa dengan lebih mudah. Bastrkmens (1990) menyatakan bahawa sastera mendedahkan kepada pelajar tentang budaya masyarakat yang dipelajari bahasanya.

Dari sudut linguistik pula, sastera mengandungi pelbagai bentuk dan jenis linguistik yang boleh dipelajari oleh pelajar. Petikan daripada bahan sastera juga dijadikan sumber dan contoh untuk memahami linguistik. Melalui bahan sastera, pelajar dapat mempelajari bahasa dengan kaedah dan penggunaan linguistik yang tepat. Petikan sastera menawarkan sampel linguistik tulen dengan pelbagai gaya, daftar dan jenis teks yang sangat besar dalam pelbagai peringkat kesukaran bahasa (Duff dan Maley 1990).

Littlewood (1986) menjelaskan bahawa bahan sastera menawarkan peluang untuk menggunakan struktur bahasa dalam pemahaman membaca yang disertai dengan analisis tata bahasa dan penjelasan makna. Aktiviti bacaan bahan sastera boleh menyediakan pelajar dengan struktur linguistik yang diperlukan dan membantu mengembangkan penguasaan bahasa asing dalam pelbagai gaya seperti gaya puitis, gaya perbualan untuk dialog, dan gaya penceritaan bermaklumat untuk naratif.

Beliau juga berpendapat bahawa bahan sastera boleh membantu pembaca mengetahui dialek tempatan, dan penggunaannya dengan lebih tepat. Dialek tempatan ini perlu bagi mendedahkan suasana baharu dalam pembelajaran bahasa dan membantu pelajar memperluaskan skop pengetahuan bahasa dan penggunaannya. Dengan penguasaan dialek ini, pelajar lebih mudah memahami bahan-bahan pendengaran yang dituturkan oleh penutur jati bagi dialek tersebut seperti filem, teater dan lagu. Dialek ini juga dapat memberi pengetahuan sebenar kepada pelajar tentang bahasa walaupun mereka tidak pernah pergi ke luar negara.

Bahan sastera juga membekalkan kepada pelajar templat bahasa dengan kosa kata dan gaya bahasa tersendiri untuk mengungkapkan situasi. Pelajar hanya perlu memahami dan mengingat templat bahasa tersebut untuk penggunaan. Begitu juga kosa kata yang tersedia bagi menggambarkan situasi atau emosi tertentu. Dengan penggunaan bahan sastera, pelajar menjadi lebih mudah menguasai bahasa yang dipelajari dan menggunakannya dalam situasi yang diperlukan.

McKay (1989) berpendapat bahawa bahan sastera merupakan bahan yang ideal untuk menggambarkan penggunaan bahasa dalam situasi bahasa sebenar bagi membezakan penggunaan yang melibatkan pengetahuan peraturan linguistik. Secara umum, pembelajaran bahasa asing selalu menumpukan sudut pengetahuan linguistik terutamanya dalam pembinaan

ayat. Perbezaan antara dua penggunaan tersebut adalah dari sudut gaya bahasa. Bahan sastera menyediakan templat bahasa untuk diungkapkan dalam situasi yang dikehendaki. Sedangkan penggunaan pengetahuan linguistik menyediakan kaedah atau peraturan membina ayat yang hendak diungkapkan. Terkadang pembinaan ayat mengikut kaedah dan peraturan linguistik itu betul dari sudut susunannya tetapi salah atau tidak digunakan dari sudut penggunaannya.

Perkara yang telah dibincangkan di atas menunjukkan manfaat penggunaan bahan sastera untuk pembelajaran bahasa asing. Antara manfaat tersebut ialah bahan sastera merupakan bahan tulen yang membekalkan konteks dan isi kandungan yang menarik, susun atur bahasa, gaya persembahan dan emosinya, templat linguistik, dialek dan templat bahasa mengikut situasi.

Semua manfaat yang dibincangkan di atas terkandung dalam pendapat yang dikemukakan oleh Ibsen (1990) tentang metodologi kreatif. Duff dan Maley (1990) mencadangkan metodologi penggabungan kesusasteraan dalam pengajaran bahasa asing. Apabila pelajar terlibat secara peribadi dengan bahan sastera yang dipelajari, penglibatan sedemikian memberi mereka peluang untuk didedahkan kepada sudut pandangan lain, iaitu pandangan penulis dan rakan sekelas mereka dengan menyatakan idea dan perasaan mereka sendiri. Dalam masa yang sama, mereka mendapat pengalaman kelas yang baharu dan bermotivasi, seperti mencipta semula teks sastera atau mencipta teks mereka sendiri. Tujuan penggunaan bahan sastera dalam konteks bahasa asing adalah untuk menyediakan pelajar dengan pelajaran yang sesuai untuk berjaya. Pendidik perlu menumpukan masa yang cukup dan berfikir untuk memilih teks dan kaedah.

Secara khusus bila menyentuh mengenai pemilihan teks, adalah penting untuk menyatakan bahawa kadang-kadang karya sastera tidak digalakkan dalam kelas bahasa asing kerana bahasanya terlalu tinggi. Pemilihan bahan yang sesuai adalah digalakkan terutama yang dapat menarik minat dan menambah penguasaan bahasa. Kejayaan kelas sering bergantung kepada cara menangani teks di dalam bilik darjah.

Berhubung dengan pemilihan teks dan kaedah pengajaran bahan sastera, Littlewood (1986) mengesyorkan kepada guru bahawa mereka perlu mengetahui dengan lebih jelas tentang bahasa yang ditawarkan oleh bahan sastera dan bahasa yang pelajar perlukan untuk pembelajaran dan memilih kaedah serta teks yang sesuai. Faktor minat pelajar adalah sangat penting yang perlu diambil kira oleh guru ketika memilih teks sastera. Dellinger (1989) berpendapat bahawa guru perlu memilih teks yang menarik dan dapat memberi motivasi kepada pelajar. Pemilihan yang tepat ini akan merangsang pelajar untuk mengaitkan pengalaman yang mereka baca dengan pengalaman mereka sendiri atau pengalaman rakan sekelas mereka. Teks sastera yang hendak dibaca hendaklah disesuaikan dengan minat, umur dan pengalaman pelajar.

Menurut Mckay (1986), kejayaan menggunakan bahan sastera bukan sahaja bergantung kepada tahap linguistik teks, tetapi juga di peringkat kebudayaannya. Kita perlu mengambil kira bahawa jika ia adalah teks yang sukar pada linguistik atau tahap budaya, mungkin akan memberi sedikit faedah atau langsung tidak memberi faedah kepada pelajar.

Memandangkan kadangkala sukar untuk memilih teks sastera yang sesuai, garis panduan Bastrkmens (1990) untuk pemilihan perlu digunakan: 1) Pilih teks dengan topik dan tema sejagat supaya pelajar dapat mengimbangkan pengalaman peribadi mereka sendiri yang akan memudahkan proses pembelajaran. 2) Pilih karya dalam suasana seharian dan elakkan pilihan sastera abstrak atau fantasi. Dengan cara ini interaksi akan lebih mudah dan

perbendaharaan kata mudah difahami. 3) Pemilihan teks kontemporari digalakkan, supaya pelajar tidak menghadapi masalah untuk memahami bahasa kuno. 4) Pilih penulis yang menggunakan gaya bahasa yang mudah. 5) Pilih karya yang watak atau temanya sesuai dengan umur dan minat pelajar.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang menggunakan kajian perpustakaan dan temu bual bagi mendapatkan data. Kajian perpustakaan bertujuan untuk mengukuh dan menjelaskan tentang kepentingan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa asing. Dalam hal ini, penulis mengkaji dan menganalisis buku-buku, jurnal, artikel dan pelbagai jenis sumber sastera lain yang berkaitan dengan kajian. Bagi mendapatkan data di lapangan, penulis menggunakan kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual yang dilakukan ke atas lima orang guru yang mengajar kursus sastera Arab di beberapa buah universiti awam. Dapatan dari peserta disusun mengikut tema dan dipilih hanya tiga peserta sahaja untuk dibentangkan pandangan mereka. Dua pandangan peserta lagi adalah pandangan yang hampir sama dengan tiga pandangan yang dinyatakan.

Temu bual berstruktur digunakan bagi mendapatkan data dengan soalan-soalannya telah disusun secara terperinci sebelum ianya dilangsungkan. Soalan-soalan berkisar di sekitar bahan sastera dapat menarik minat pelajar membaca prosa dan puisi, menarik minat berhubung dengan emosi dan berhubung dengan deskripsi menarik minat untuk menguasai kosa kata, frasa dan mengekalkan momentum membaca. Begitu juga bahan sastera dapat membantu dalam penguasaan bahasa kerana ia merupakan bahan tulen yang membekalkan konteks dan konten yang menarik, susun atur bahasa, gaya persembahan dan emosinya, templat linguistik, dialek dan templat bahasa mengikut situasi dan emosi.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan instrumen kualitatif iaitu analisis dokumen dan temu bual berstruktur. Soalan temu bual berkisar tentang bahan sastera dapat membantu untuk:

Menarik Minat dalam Pembelajaran Bahasa

Hasil temu bual menunjukkan bahawa kesemua guru yang ditemu bual menzahirkan pandangan positif tentang penggunaan bahan sastera dapat menarik minat pelajar dalam membaca prosa dan puisi, menarik minat berhubung dengan emosi dan berhubung dengan diskriptis, menarik minat untuk menguasai kosa, menguasai frasa dan mengekalkan momentum membaca.

P1: ya betul. Bahan sastera dengan kandungan emosi dan gaya bahasa yang menarik dapat menarik minat pelajar menguasai bahasanya...

P2: ya,,, memang betul. Saya bersetuju bahawa bahan sastera dapat menarik minat pelajar belajar bahasa.

P3: benar sekali,, bahan sastra ni dapat menyuntik motivasi pelajar untuk menguasai bahasa dengan lebih baik lagi...

Membekalkan Templat Bahasa

Bahan sastra merupakan bahan yang siap dengan templat bahasa untuk kegunaan pada situasi tertentu dan mempunyai makna emosi tersendiri. Pelajar tidak perlu mencari perkataan dan menyusun ayat sendiri. Hanya dengan menghafal templat ayat sastra, mereka dapat menggayakan ketika perlu. Dalam persoalan tentang bahan sastra dapat membekalkan templat bahasa, kesemua lima orang guru peserta kajian bersetuju bahawa bahan sastra banyak memberi faedah kepada pelajar dalam penguasaan templat bahasa untuk situasi yang diperlukan. Antara jawapan mereka ialah:

P2: memang betul bahan sastra dah ada templat bahasa. Pelajar perlu ingat dan boleh digunakan ketika perlu...

P4: ya betul,, templat ayat dah siap untuk mengungkapkan situasi. Pelajar tidak perlu membina ayat sendiri. Mereka hanya perlu mengingati dan sesuaikan ayat dengan situasi yang hendak diungkapkan.

P5: benar,, bahan sastra banyak membantu dalam penguasaan ayat untuk diungkapkan. Pelajar tidak perlu lagi berfikir untuk membina ayat. Mereka hanya perlu mengingati templat yang sudah ada dan menyesuaikan dengan situasi dengan melakukan sedikit perubahan.

Membekalkan Kosa Kata Baharu

Dalam pembelajaran bahasa, aset utama adalah kosa kata. Pelajar perlu mengumpul kosa kata yang mencukupi bagi membolehkan mereka menguasai bahasa dengan baik. Kosa kata ini hendaklah dipelbagaikan dalam pelbagai bidang dan situasi komunikasi. Strategi pembelajaran bahasa banyak menekankan tentang penguasaan kosa kata. Terdapat sarjana yang menentukan saiz penguasaan kosa kata yang perlu bagi setiap tahap pembelajaran. Bahan sastra merupakan bahan yang boleh digunakan dalam pembelajaran bahasa untuk membekalkan saiz kosa kata yang mencukupi kerana sastra merupakan bahan yang berkisar di sekitar kehidupan seseorang dengan emosinya. Kosa kata yang terdapat dalam bahan sastra merupakan kosa kata yang dekat dengan pengalaman pelajar. Peserta kajian bersetuju dengan kenyataan yang menyatakan bahawa bahan sastra dapat membekalkan kosa kata kepada pelajar melalui jawapan mereka seperti di bawah:

P1: Bahan sastra banyak mempunyai kosa kata yang terdapat di sekitar kehidupan pelajar. Mereka lebih mudah mengingati dan menggunakannya.

P3: Memang benar bahan sastra dapat membantu pelajar menguasai kosa kata yang mencukupi untuk menggunakan dalam kehidupan.

P5: Bahan sastra dapat membekalkan kosa kata dalam pelbagai situasi kehidupan berserta makna emosinya. Pelajar lebih mudah mengingati kosa kata

daripada bahan sastra kerana ia berkisar sekitar situasi kehidupan dan pengalaman hidup yang realiti kepada pelajar.

Membekalkan Templat Kaedah Linguistik

Bahan sastra ditulis oleh penulis yang mempunyai bakat yang tinggi dalam imaginasi dengan gaya bahasa yang baik. Justeru itu sudah tentu bahan sastra mempunyai kaedah linguistik yang tepat dan nilai yang tinggi. Dalam membicarakan kaedah linguistik, banyak contoh-contoh dipetik daripada bahan sastra. Pelajar lebih mudah mengingat kaedah linguistik dengan mempelajari bahan sastra. Peserta kajian bersetuju bahawa bahan sastra dapat membekalkan templat linguistik kepada pelajar seperti berikut:

P3: Bahan sastra yang ditulis oleh sasterawan mempunyai templat linguistik yang tinggi kerana makna emosi yang diungkapkan itu diterjemahkan melalui penyusunan ayat linguistik yang baik.

P4: Tidak dinafikan bahawa bahan sastra sudah tentu mempunyai templat linguistik yang baik. Ini kerana contoh-contoh linguistik dipetik daripada ayat-ayat bahan sastra.

P5: Sastra mempunyai makna imaginasi yang tinggi. Makna tersebut terhasil daripada gaya dan laras bahasa yang baik. Gaya dan laras bahasa yang baik bergantung pada kaedah linguistik yang baik. Oleh sebab itu sudah tentu bahan sastra mempunyai templat linguistik yang baik. Penggunaan bahan sastra dalam pembelajaran bahasa dapat membekalkan kaedah linguistik yang baik kepada pelajar.

Membekalkan Budaya dan Dialek Arab

Pembelajaran bahasa tidak dapat dipisahkan dengan budaya dan dialek bahasa yang dipelajari. Ini kerana bahasa merupakan cerminan kepada budaya dan gaya yang membentuk sebutan dan penggunaannya. Laras bahasa yang baik menunjukkan ketinggian budaya. Justeru itu pelajar perlu mengetahui budaya bahasa yang dipelajarinya. Selain budaya, dialek juga turut memainkan peranan penting dalam menentukan budaya masyarakat. Dengan penggunaan dialek, pendengar dapat membezakan bahasa yang digunakan oleh masyarakat tertentu. Dialek juga mencerminkan budaya sesebuah masyarakat. Peserta kajian bersetuju bahawa bahan sastra dapat membekalkan budaya dan dialek Arab kepada pelajar serta dapat memudahkan mereka mempelajari bahasa Arab seperti berikut:

P1: Bahan sastra memang menggambarkan budaya masyarakat dan dapat membantu pelajar mempelajari bahasa.

P2: Bahan sastra mencerminkan budaya sesebuah masyarakat serta terdapat dialek tempatan yang digunakan.

P5: Dialek tempatan yang terdapat dalam bahan sastra kadang-kadang dapat membantu pelajar mempelajarinya dan menggunakannya.

Perbincangan

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pandangan guru-guru terhadap penggunaan bahan sastera Arab dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Pandangan mereka berkisar tentang manfaat yang dapat dihasilkan melalui penggunaan bahan sastera seperti bahan sastera dapat menarik minat dalam pembelajaran bahasa, membekalkan templat bahasa, membekalkan kosa kata baharu, membekalkan templat kaedah linguistik dan membekalkan budaya dan dialek Arab.

Dapatan daripada pandangan guru-guru peserta kajian ini dapat dirumuskan bahawa kesemua guru-guru peserta bersetuju dengan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing kerana terdapat pelbagai manfaat yang boleh membantu pelajar. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Rosni Samah et al. (2023) yang menyatakan bahawa penggunaan bahan sastera dapat membantu pelajar menguasai Bahasa Arab dengan lebih berkesan. Dapatan ini juga selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan kepada bahasa Inggeris sejak dahulu lagi (Mustafa Erdem. 2016).

Bahan sastera yang menarik terutama yang berkaitan dengan emosi dapat membantu pelajar menarik minat mereka dalam pembelajaran bahasa. Bahasa dan ungkapan dalam situasi ini dapat diingat dan gunakan oleh pelajar dengan mudah. Pelajar dapat menghayati perasaan dan emosi yang dibawa oleh sasterawan melalui pengalaman yang mereka alami sendiri. Dengan cara ini mereka akan dapat menguasai bahasa dan kefahaman dengan mudah. Oatley, K. (1999) menyatakan bahawa emosi yang timbul daripada fiksiyen berkait rapat dengan matlamat individu yang menjadi elemen penting bagi pembaca. Apabila emosi semasa membaca digabungkan dengan konteks simulasi fiksiyen, ia membantu dalam perkembangan pemahaman teks. Emosi ini dapat meningkatkan motivasi belajar yang dapat membantu dalam penguasaan bahasa. Dörnyei (2009) menyatakan motivasi merupakan pencetus kepada pembelajaran bahasa kedua (B2) yang membimbing kepada kesinambungan belajar dalam jangka masa yang panjang ketika proses pembelajaran yang membosankan.

Mengikut Nur Afifah Fadzil et al. (2022), terdapat hubungan yang signifikan positif di antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab. Pelajar yang bermotivasi mempunyai keinginan yang mendalam untuk melakukan aktiviti belajar bahasa Arab dengan bersungguh-sungguh serta mengaplikasikannya dalam komunikasi. Motivasi yang tinggi dalam mempelajari bahasa Arab memberikan kesan yang mampan dalam penguasaan bahasa Arab. Begitu juga bahan sastera dapat membekalkan templat bahasa yang kemas dan menepati kehendak kaedah. Templat bahasa ini dapat digunakan oleh pelajar ketika perlu. Secara umumnya dapatan ini menunjukkan bahan sastera dapat membantu pelajar menguasai bahasa dengan baik terutamanya ketika menggunakan kaedah linguistik dalam pengajarannya seperti yang dicadangkan oleh carter dan Long (1991).

Guru-guru peserta kajian turut bersetuju dengan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa Arab dapat meningkatkan penguasaan kosa kata dan templat ayat yang lengkap dengan kaedah linguistik melalui bacaan dan perbincangan. Mereka tidak perlu memikirkan kaedah pembinaan ayat dan juga kaedah yang perlu digunakan semasa membina ayat. Contoh yang boleh dilihat adalah seperti ayat-ayat berikut:

أنا مكتئب النفس أنظر من النافذة لجمال الطبيعة،
تناولت دىوان "موسيه" وحاولت القراءة، فلم أنجح فألقيت به على الخوان.
واستسلمت للتفكير كأني فريسة بين مخالب الدهر.
مكثت حيناً أفكر.
ثم نهضت واقفاً، وتناولت عصاي وغادرت منزلي.
(Muhammad Timur. 2025)

Contoh di atas menunjukkan templat ayat yang lengkap dengan susunan kaedah linguistik yang boleh digunakan untuk ungkapan. Pelajar hanya perlu mengingati dan menggunakannya ketika perlu. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Rosni Samah et al. (2023) yang menjelaskan bahawa bahan sastera banyak membekalkan pelajar dengan kosa kata dan templat bahasa yang baik. Begitu juga kajian Collie dan Slater (1990) yang menunjukkan bahawa bahan sastera seperti puisi, cerpen, dan drama menyumbang kepada peningkatan kemahiran bahasa melalui pelbagai cara. Manakala kajian Sukanya Kaowiwattanakull (2021) pula menunjukkan penggunaan cerpen dapat meningkatkan penggunaan bahasa pelajar. Kajian Aprillya Alwien Suoth et al. (2023) mendapati bahawa novel juga banyak membantu dalam meningkatkan kemahiran bahasa pelajar.

Dalam pembelajaran bahasa asing, memahami budaya bahasa tersebut adalah penting untuk memahami penggunaan bahasa. Hubungan antara bahasa dan budaya dapat memberi keindahan dalam memahami bahasa. Budaya adalah acuan kepada penggunaan bahasa terutama dalam memahami makna yang tersirat seperti retorik. Penggunaan bahasa berbeza mengikut budaya yang berbeza. Sebagai contoh, penggunaan perkataan anjing dalam puisi zaman Jahiliah menunjukkan makna kesetiaan. Begitu juga menggunakan perkataan mata anak lembu bagi menunjukkan makna indah cantik. Bagi pelajar yang tidak mengenali budaya bahasa, sukar bagi mereka memahami makna puisi tersebut. Kajian ini menunjukkan peserta kajian bersetuju bahawa bahan sastera dapat memberi kefahaman yang baik terhadap budaya bahasa tersebut. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Deoksoon Kim (2020) yang menunjukan kepentingan budaya dalam pengajaran bahasa.

Penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa secara amnya terbukti sangat efektif kerana bahan sastera menawarkan pelbagai manfaat dalam meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa pelajar. Dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing, bahan pengajaran hendaklah dipelbagaikan seperti cadangan yang dikemukakan oleh kajian Rosni Samah & Aishah Isahak (2024). Bahan sastera seperti puisi, cerpen, teater dan novel bukan sahaja mengandungi struktur bahasa yang bervariasi tetapi juga menanamkan budaya dan nilai yang mendalam. Budaya dan nilai ini membolehkan pelajar mengembangkan kefahaman yang lebih mendalam dalam membaca dan menulis serta dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur. Bahan sastera juga berfungsi sebagai alat atau agen untuk memperkenalkan konteks bahasa yang lebih autentik, bagi meningkatkan penguasaan kosa kata dan struktur tatabahasa pelajar secara lebih berkesan berbanding dengan bahan pengajaran yang dicipta sendiri secara artifisial.

Kesimpulan

Hasil temu bual menunjukkan peserta kajian bersetuju bahawa bahan sastera dapat membantu pelajar menguasai bahasa Arab sebagai bahasa asing kerana terdapat beberapa manfaat seperti membantu merangsang motivasi belajar dan dapat menarik minat dalam pembelajaran bahasa, membekalkan templat bahasa, membekalkan kosa kata baharu, membekalkan templat kaedah linguistik dan membekalkan budaya dan dialek Arab. Manfaat yang disebutkan ini dapat membantu pelajar menguasai pelajaran dengan baik. Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sebagai bahasa asing perlu menggunakan bahan sastera sebagai bahan rujukan yang dimasukkan ke dalam buku teks. Bahan sastera ini boleh dipilih daripada potongan bahan cerpen, teater, puisi dan novel yang sesuai dengan tahap pelajar dari sudut imaginasi, bahasa dan kandungan. Kajian ini menunjukkan penggunaan bahan sastera dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing adalah perlu untuk mencapai kemahiran berbahasa.

Rujukan

- Aprillya Alwien Suoth, Ceisy Nita Wuntu, Olga A. Rorintulus. (2023). The Effectiveness of Using Novels in Learning Process to Improve the English Language Skills: A Systematic Review. *JELTEC: Journal of English Language Teaching, Literature and Culture*. 2 (1), 84-95.
- Asmuni Zumrah, Nazipah Mat Shaid@Md. Said & Rosni Samah. (2020). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Politik dan Ekonomi dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Universiti Awam. *Sains Humanika*, 12(2), 55-60.
- Ausubel, D. y otros. (1983). *Psicología Educativa*. México: Editorial Trillas.
- Bastrkmens, H. (1990). Literature and the intermediate language learner: a sample lesson with Hemingway's 'Cat in the Rain'. *Forum*, 28 (3), 18-21.
- Carter, R., and Long, M.N. (1991) *Teaching literature*. Harlow: Longman.
- Collie, J. and S, S later. (1990). *Literature in the Language Classroom. A Resource Book of Ideas and Activities*. Cambridge: Cambridge University Press
- Dellinger, D. (1989). Creating a quiet revolution in the language classroom. *Forum*, 27(2): 2-3.
- Deoksoon Kim. (2020). Learning Language, Learning Culture: Teaching Language to the Whole Student. *ECNU Review of Education*. 3(3): 519-541.
- Dörnyei, Z. (2009). The L2 motivational self system. In Dörnyei, Z. & Ushioda, E. (eds.), *Motivation, language identity and the L2 self*. Bristol: Multilingual Matters, 9–42. <https://doi.org/10.21832/9781847691293-003>
- Duff, A. and A. Maley. (1990). *Literature*. Oxford: Oxford University Press.
- Enright, D. and M. McCloskey. (1985). Yes, talking! : Organizing the class- room to promote second language acquisition. *TESOL Quarterly*. 19, 431-453.
- Hill J. (1989). *Using Literature in Language Teaching*. London: Macmillan Publishers.
- Ibsen, E. 1990. "The double role of fiction in foreign-language learning: towards a creative methodology." *Forum*. 28 (3). 2-9.
- Izzah Syakirah Maaruf & Rosni Samah. (2020). The Ability to Translate Arabic Vocabulary among STAM Student/ Kebolehan Menterjemah Kosa Kata Bahasa Arab dalam

- Kalangan Pelajar STAM. *Sains Humanika*, 12(3), 12-23.
- Jackson, R. and R. Di Pietro. 1992. *American Voices: An Integrated Skill Reader*, Boston: Heinle & Heinle.
- Littlewood, W. 1986. "Literature in the school of foreign language course." In Carter, R. (Ed.). *Literature and Language Teaching*. London: Un- wing Hyman.177-183.
- Mckay, S. 1986. "Literature in the EFL classroom." In Carter, R. (Ed.). *Literature and Language Teaching*. London: Unwing Hyman.177-183.
- Muhammad Timur. 2025. <https://www.mahaarat.com/?p=175>
- Mustafa Erdem. 2016. Literature in English Language Teaching. *European Journal of Language and Literature Studies*. 4(1):157-162.
- Novak, J. D. 1988. "El constructivismo humano: un consenso emergente." *Enseñanza de las Ciencia*. 6 (3). 213-223.
- Nur Afifah Fadzil, Nuraznan Jaafar & Maryam Md Rofiee. 2022. Hubungan Motivasi Pelajar Terhadap Penguasaan BahasaArab. *Jurnal Kesidang*. 7: 194-210
- Oatley, K. (1999). Why fiction may be twice as true as fact: Fiction as cognitive and emotional simulation. *Review of General Psychology*, 3(2), 101 117.
- Povey, J. 1979. "Literature in the ESL classroom." Workpapers in *Teaching English as a Second Language*. Los Angeles: University of Califor- nia13.41-48.
- Richards, J. and T. Rodgers. 1986. *Approaches and Methods in Language Teaching*. London: Cambridge University.
- Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohamad Yazid Abdul Majid, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi & Hishomudin Ahmad. (2023). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Sastera dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 6(4), 64-77.
- Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohamad Yazid Abdul Majid, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi & Hishomudin Ahmad. 2023(A). Kepentingan Bahasa Sastera Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(10):1-15
- Rosni Samah, Aishah Isahak. 2024. Cabaran Dan Solusi Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia. *AL-QANATIR*. 33(5): 13-21.
- Sorani, D. and A. Tamponi, 1992. "A cognitive approach to content-based instruction." *Forum*. 30 (2). 6-9.
- Spack, R. 1985, "Literature, reading, writing and ESL: bridging the gaps." *TESOL Quarterly*. 20: 617-648.
- Sukanya Kaowiwattanakull. (2021). CEFR Based Learning Approach: Using Literature to Enhance EFL Students' Reading Skills and Critical Thinking Skills. *English Language Teaching*. 14(11):, 66-79
- Widdowson, H. 1983. "Talking shop." *English Language Teaching Journal*. 37(1). 3-4.